

Tel. : 088-369965/369971

Faks: 088-211016/422113



PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
Jabatan Ketua Menteri  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)  
Aras 28, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU  
Sabah, Malaysia

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 28 Mei 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil  
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**OPERASI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI/BADAN BERKANUN NEGERI/PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI BAWAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 6**

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Susulan kepada keputusan Kerajaan Negeri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 6 melalui surat rujukan JKM.100-4/62 bertarikh 13 Mei 2020, adalah dimaklumkan bahawa bagi memastikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri berada di tahap yang cekap dan berkesan, kehadiran kakitangan di organisasi masing-masing hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 90% pada setiap waktu bekerja mulai 02 Jun 2020 di pejabat dan 10% bekerja dari rumah.

3. Ketua Organisasi hendaklah mengeluarkan arahan bekerja kepada kakitangan di bawah jagaannya yang bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan. Arahan bekerja dari rumah boleh diberi kepada kakitangan yang dikenakan kuarantin di rumah dan juga yang berisiko tinggi.

4. Selain dari perubahan kehadiran pegawai di pejabat, *Standard Operating Procedure (SOP)* Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri yang dikeluarkan pada 13 Mei 2020 masih terpakai bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 6.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

( DATUK Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP. )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**JATI DIRI PENGGERAK WAWASAN**